

Teks Ucapan

Y.Bhg. BRIG. JEN. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Sempena
Majlis Sambutan Siswa siswi
Bagi Sidang Akademik 2010/2011
Pada 6 Julai 2010, di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Sejahtera.

**Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang
Hao, Saba Hunhair.**

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-Wakil Media.

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Pembantu-
Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal,

Dan Yang dikasihi pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Perlis bagi sidang akademik 2010/2011.

**Indah Suasana Dipagi Hari,
Burung Terbang Tinggi Di Awan,
Senyum Diberi Seikhlas Hati,
Kehadiran Anda Saya Alukan,**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah (s.w.t) kerana hanya dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat berkumpul pada pagi yang sarat maknanya ini dalam suasana kekeluargaan yang mensyahdukan.

Selawat dan salam kepada Baginda Rasulullah (s.a.w), para sahabat dan anggota keluarga Baginda. Semoga himpunan kekeluargaan ini diberkati Allah yang menggerakkan hati kita untuk berhimpun di sini. Semoga Nabi Junjungan kita Baginda Rasulullah menerima kita sebagai ummatnya apabila tiba saat dan ketikanya.

Terlebih dahulu izini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ‘Selamat Datang,’ ‘Ahlan Wa Sahlan Wal Marhaban’, serta “Welcome” To Universiti Malaysia Perlis, **‘Universiti Pilihan yang Berdaya Saing’ / ‘A Competitive University of Choice’** kepada semua yang hadir, khususnya para siswa/siswi baru yang diraikan.

Firstly, Welcome and “Selamat Datang” I bid to all the international students. UniMAP boasts itself as a true-blue technical university which fulfills the interests of students who are inclined towards practical-based engineering education.

They are expected to not only exhibit excellence in knowledge and skills directly related to their engineering fields of study, but are also proficient in communication and ICT skills, as well as possessing unsurpassed traits of professionalism and patriotism. It is hoped that because their excellent education here, they will become the engineering leaders of tomorrow.

Anak-anak yang dikasihi sekalian,

Anda semua merupakan permata yang terpilih untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi. Datangnya anda ke sini dihantar dengan penuh hormat dan kasih sayang oleh ibu bapa dan waris anda semua. **Meskipun kemasukan anda ke sini lewat dua minggu dari tarikh sebenarnya, usahlah anda berduka dan bersedih hati.**

Yang penting kini anda telah bergelar mahasiswa UniMAP. Kejayaan seseorang pelajar bukan terletak pada tarikh dia mendaftar, sebaliknya diri sendiri merupakan penentu utama kejayaan.

Jika anda mendaftar masuk pada pengambilan pertama, tetapi bersikap sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh untuk mencari ilmu, kejayaan pasti tidak menjadi milik anda. Dan ini berbeza pula dengan pelajar ambilan kedua, tetapi jika menanamkan keazaman dan membulatkan tekad untuk menjadi yang terbaik, insya allah kejayaan pasti mengiringi anda.

Sudah banyak kajian yang membuktikan, yang pertama itu belum tentu yang terbaik sebaliknya yang kedua, ketiga atau keempat mungkin memberikan keputusan yang lebih membanggakan.

Anak-anak sekalian, ketika sesi pendaftaran semalam, saya dapat melihat sendiri raut wajah ibu bapa dan anggota keluarga yang hadir dipenuhi bunga-bunga gembira dan bangga. Di sebalik wajah-wajah itu juga terselindung harapan dan impian yang menggunung agar anak-anak yang diberi peluang oleh Allah (s.w.t) menyambungkan pelajaran ini dapat menjadi anak yang lebih kukuh dan mantap iman dan kesolehannya, dan seterusnya berupaya merobah nasib keluarga, bangsa, negara dan ummah seluruhnya.

Maka saya amat berharap agar anda semua menggunakan peluang dan kesempatan yang diperoleh ini dengan sebaik mungkin. Usahlah terleka dan lalai dalam perjalanan anda untuk menuntut ilmu dan berusaha untuk

menghadiahkan keputusan peperiksaan yang cemerlang setiap semester untuk kedua ibu bapa anda.

Anak-anak pelajar yang saya kasihi sekalian,

Universiti Malaysia Perlis pada tahun ini, amat berbangga apabila menerima sejumlah 1,789 siswa-siswi baru terdiri daripada 1,542 pelajar Ijazah pertama dan 247 pelajar Diploma. Jumlah ini termasuk anak-anak yang didepan saya yang berjumlah 446 orang yang mendaftar semalam.

Dengan kemasukan ini, kini, UniMAP sudah mempunyai sekitar 7,000 orang penuntut dalam pelbagai peringkat pengajian.

Sejarah ini lebih bermakna kerana siswa siswiambilan 2010/2011 (ambilan pertama dan kedua) ini merupakan kumpulan yang pertama disambut dan diterima di kampus utama yang dinamai Kampus Alam Universiti Malaysia Perlis.

Kampus Alam UniMAP ini meliputi kawasan seluas 1,028 ekar. Pada masa ini terdapat dua bangunan yang terbina iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Selain itu, beberapa bangunan lagi sedang rancak dibina. Antaranya ialah bangunan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Perpustakaan Utama, Pusat Latihan Kejuruteraan, Kompleks

Dewan Kuliah dan gelanggang sukan yang dijangkan akan disediakan tahun hadapan.

Bagaimanapun, buat masa ini, kampus UniMAP yang terbesar masih kekal di Kampus Kota yang teragih di seluruh bandar Kangar dan Kuala Perlis. Oleh sebab sifatnya yang dikatakan sebagai 'bertaburan' atau 'berserakan,' dan menjadi hakikat bahawa UniMAP berada di setiap pelosok Bandar Kangar, namun ada yang berpendapat sebaliknya.

Kata mereka, "Bandar Kangar kini sudah berada di dalam UniMAP, bukannya UniMAP berada di dalam Bandar Kangar!" Barangkali kampus inilah kampus yang terbesar di seluruh dunia. Bagaimanapun, pada masa akan datang, apabila Kampus Alam dan Kampus Hijau siap sepenuhnya, kita merancang untuk mengekalkan sekitar 30% operasi UniMAP di Kampus Kota, dan Pusat Pengajian Perniagaan Inovasi dan Teknousahawanan akan menjadi tonggakunya.

Anak-anak Siswa –siswi baru yang saya kasihi,

Dengan segala infrastruktur yang sedia ada inilah, UniMAP mula memasuki dunia persaingan dan kerjasama dalam dunia pengajian tinggi negara mulai tahun 2002. Dengan prasarana yang sedia ada dan beberapa prasarana baru yang sedang dibina, UniMAP mula memanjat carta pemeringkatan (*ranking*) atau penarafan (*rating*) universiti peringkat nasional dan antarabangsa.

Dengan kekuatan yang sentiasa diperkasakan dan menyedari kelemahan yang sentiasa dipantau dan diminimumkan, UniMAP pada hari ini (meskipun baru lapan (8) tahun bersaing) berkeyakinan tinggi dan dengan sepenuh keikhlasan menawarkan kepada semua klien dan pihak berkepentingan sebagai ‘Universiti Pilihan yang Berdaya Saing’. Sebagai bukti keyakinan dan keikhlasan dakwaan ini, lihatlah paparan pencapaian UniMAP dalam beberapa aspek yang sering dijadikan kriteria penilaian oleh agensi-agensis penilai.

(Huraian merujuk kepada Jadual 1: Program Pengajian dan Pengiktirafan pada slide presentation)

PUSAT PENGAJIAN	PROGRAM AKADEMIK		
	Ijazah Sarjana Muda	Diploma Kejuruteraan	Pascasiswazah (MOD PENYELIDIKAN)
Mikroelektronik	Kejuruteraan Mikroelektronik	Kejuruteraan Mikroelektronik <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc. (Kejuruteraan Mikroelektronik) Ph.D
	Kejuruteraan Elektronik		
	Kejuruteraan Fotonik		
Komputer & Perhubungan	Kejuruteraan Komputer	Kejuruteraan Komputer <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc (Kejuruteraan Komputer) M.Sc (Kejuruteraan Perhubungan) Ph.D
	Kejuruteraan Perhubungan		
	Kejuruteraan Rangkaian Komputer		
Mekatronik	Kejuruteraan Mekatronik	Kejuruteraan Mekatronik <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc (Kejuruteraan Mekatronik) M.Sc (Kejuruteraan Mekanikal)
	Kejuruteraan Mekanikal		

	Kejuruteraan Bioperubatan		M.Sc (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan) Ph.D
Sistem Elektrik	Kejuruteraan Sistem Elektrik	Kejuruteraan Elektrik <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc (Kejuruteraan Sistem Elektrik) Ph.D
	Kejuruteraan Elektronik Industri		
Pembuatan	Kejuruteraan Pembuatan	Kejuruteraan Pembuatan <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc. (Kejuruteraan Pembuatan) M.Sc. (Kejuruteraan Reka Bentuk Produk) Ph.D
	Kejuruteraan Rekabentuk Produk		
Bahan	Kejuruteraan Bahan	Kejuruteraan Metalurgi <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc. (Kejuruteraan Bahan) M.Sc (Kejuruteraan Polimer) Mod Campuran Ph.D
	Kejuruteraan Metalurgi		
	Kejuruteraan Polimer		
Bioproses	Kejuruteraan Bioproses		M.Sc. (Kejuruteraan Bioproses) Ph.D
	Kejuruteraan Biosistem		
Alam Sekitar	Kejuruteraan Alam Sekitar		M.Sc. (Kejuruteraan Alam Sekitar) Ph.D
	Kejuruteraan Bangunan		
Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan	Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan)		
	Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa)		

Sehingga kini UniMAP telah mempunyai enam program pengajian diploma, dua puluh program pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan (jumlah ini melebihi bilangan program pengajian kejuruteraan di universiti-universiti yang lebih lama ditubuhkan), satu program pengajian perniagaan antarabangsa, satu program pengajian keusahawanan

kejuruteraan, tiga belas program ijazah sarjana sains dan kesemua pusat pengajian kejuruteraan menawarkan program pengajian peringkat doktor falsafah/Ph.D dalam pelbagai bidang khusus kejuruteraan. Dari aspek tenaga akademik pula, UniMAP sentiasa memberi fokus dalam menyediakan tenaga akademik/pensyarah yang berkaliber dan mempunyai kelulusan dalam bidang-bidang pengajian masing-masing. **(Huraian ini merujuk jadual 2 di slide presentation)**

UniMAP memiliki sejumlah 632 tenaga pengajar yang terdiri daripada pensyarah, tutor dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV). Jika dipecahkan, jumlah pensyarah adalah seramai 451 orang dengan 26 daripadanya berjawatan Profesor, 93 orang memiliki Ijazah Doktor Falsafah dan 358 orang memiliki ijazah sarjana dan akan mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah mengikut urutan.

Jadual 2: Bilangan Tenaga Akademik

BILANGAN	KATEGORI TENAGA PENGAJAR					
	Profesor	Berkelayakan Ph.D	Ijazah Sarjana	PLV	Guru Bahasa	Tutor
632	26	93	358	156	19	6
	Bilangan Pensyarah					

		451			
--	--	------------	--	--	--

(Huraian ini merujuk kepada jadual 3 – slide presentation)

Buat masa sekarang juga kita memiliki sejumlah 180 tenaga pengajar yang mengikuti program SLAB/SLAI serta Staf yang sedang cuti belajar di Peringkat Ph.D di dalam dan luar negara. Seramai 83 memilih untuk menyambung pengajian di dalam negara manakala baki 97 lagi memilih untuk menyambung di luar negara.

Jadual 3: Bilangan Fellow SLAB/SLAI dan Staf Cuti Belajar di Peringkat Ph.D di Dalam dan Luar Negara

Negara	Bilangan
Dalam Negara	83
Luar Negara	97
Jumlah	180

UniMAP juga memiliki tenaga pengajar/pensyarah dari luar negara yang berkemahiran tinggi dalam menyalurkan ilmu pengetahuan kepada anak-anak semua. Mengikut rekod yang saya perolehi, sehingga kini UniMAP mempunyai 61 pensyarah luar daripada 16 buah negara di seluruh dunia. **(Huraian ini merujuk kepada Jadual 4 di Slide Presentation)**

Jadual 4: Bilangan Pensyarah Antarabangsa Mengikut Negara

Bil.	Negara Asal	Bilangan
1.	Indonesia	17
2.	India	12
3.	Iraq	7
4.	Myanmar	5
5.	Bangladesh	5
6.	Great Britain	1
7.	Republik Kyrgyz	11
8.	Australia	1
9.	Pakistan	1
10.	Thailand	1
11.	Jepun	1
12.	Republik Uzbekistan	1
13.	Republik Rakyat China	1
14.	Sudan	1
15.	United Kingdom	1

16.	Filipina	3
Jumlah		61

Bagi mewujudkan suasana dan persekitaran antarabangsa di UniMAP, kami juga semenjak tahun 2009 telah menerima kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa ke UniMAP untuk mengikuti pelbagai program pengajian di sini. Dan pada hari ini juga, ada bersama kita 33 orang pelajar antarabangsa yang berdaftar Ahad lalu. Pelajar antarabangsa ini bukan sahaja mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, malah ada yang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Ph.D.

(Huraian ini merujuk kepada jadual 5 di Slide Presentation)

Sehingga hari ini UniMAP mempunyai 229 orang pelajar antarabangsa daripada 18 negara yang mana 160 orang sedang mengikui pengajian Ijazah Sarjana Muda, 30 orang pengajian Ijazah Sarjana dan 39 orang sedang mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D.)

Pelajar Yemen mendominasi jumlah pelajar antarabangsa UniMAP dengan jumlah 64 orang diikuti pelajar dari China seramai 46 orang dan Indonesia seramai 39 orang. Jumlah pelajar dari Somalia pula berjumlah 20 orang manakala pelajar dari Iraq berjumlah 16 orang.

Jadual 5: Bilangan Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara

BIL	NEGARA	BILANGAN	PERINGKAT PENGAJIAN			
			Sarjana Muda		M.Sc	Ph.D
			2009/10	2010/11		
1.	Indonesia	39	6	10	4	19
2.	Bangladesh	5	-	-	1	4
3.	India	8	-	-	5	3
4.	Iraq	16	-	1	7	8
5.	Thailand	3	-	1	1	-
6.	Algeria	1	-	-	-	1
7.	Nigeria	1	-	-	-	1
8.	Syria	3	1	1	1	-
9.	Myanmar	1	-	-	1	-
10.	Jordan	1	-	-	-	1
11.	Pakistan	1	-	-	-	1
12.	Libya	9	-	-	9	-
13.	Yamen	64	38	25	-	1
14.	China	46	32	14	-	-
15.	Sudan	2	1	1	-	-
16.	Mauritius	6	1	5	-	-
17.	Somalia	20	12	8	-	-
18.	Uzbekistan	3	-	3	-	-
Jumlah		229	91	69	30	39

Anak-anak yang saya kasihi sekalian,


Dengan melangkahnya anak-anak semua ke UniMAP, pinta saya jauhkanlah rasa gundah dan gusar di hati mengenai peluang dan masa depan anda selepas tamat pengajian. Sebagai IPTA kami menawarkan pengajian kejuruteraan yang terbaik untuk memudahkan anda memasuki pasaran kerja.

(Huraian ini merujuk kepada jadual 6 di slide presentation)

Daripada carta di Jadual 6, hanya 15% daripada jumlah 766 graduan Ijazah Sarjana Muda yang bergraduasi pada tahun 2009 belum mendapat sebarang pekerjaan dan lebih membanggakan apabila 44 % daripada graduan UniMAP mendapat tempat di Syarikat Multinasional dan Syarikat Swasta Tempatan.

Ramai juga yang memilih untuk menyambung pengajian iaitu kira-kira 16 peratus, serta ada yang berkhidmat di sektor kerajaan iaitu sekitar lapan peratus. Maka jelas dan nyata sekali, graduan UniMAP tidak berdepan sebarang kesukaran untuk memperoleh pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian dan lebih membanggakan graduan kita “sangat bernilai” di sektor swasta dan multinasional.

Jadual 6: Peratusan Kebolehpasaran Siswazah
Enam Bulan Selepas Konvokesyen 2009



Tetapi, satu sahaja pesanan saya, sebagai warga UniMAP, para pelajar semua harus bersedia untuk mengikuti budaya di sini iaitu yang berpegang teguh kepada moto Universiti iaitu 'ilmu, keikhlasan, kecemerlangan'.

Ilmu adalah seponon rendang yang akarnya memenuhi dada bumi menjadi tunjang yang teguh bagi menghadapi taufan kejahilan. Orang yang berilmu juga laksana pohon rendang dapat menjadi teduhan kepada sesiapa sahaja. Ilmu menjadi peneraju amal yang diamanahkan oleh Tuhan, manakala keikhlasan kepada-nya mendasari penerokaan ilmu.

Anak-anak yang saya kasihi sekalian,

Kecemerlangan akan lahir dengan sendirinya sekiranya ilmu dan keikhlasan dihayati dan diamalkan dengan sewajarnya. Dan jika diadunkan pula dengan doa dan tawakkal pada Allah SWT, saya percaya ia mampu melahirkan graduan yang bersahsiah dan memenuhi kehendak pasaran kerja. Besarlah harapan kami agar segala hasil yang dijana oleh warga UniMAP ini dapat dimanfaatkan oleh negara dan seterusnya dunia.

Inilah yang menjadi harapan UniMAP kepada semua pelajar baru untuk bersama-sama menghayati moto 'ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan' seperti mana yang kita sama-sama menyanyikan lagu rasmi, 'WAWASANKU' sebentar tadi. Lirik lagu ini mempunyai maksud yang tersendiri dan sejajar dengan falsafah yang kita dukung.

Alam kejuruteraan – bermaksud UniMAP sebagai hub di mana ilmu kejuruteraan dibangun dan diperkembangkan untuk manfaat semua.

Ilmu keikhlasan kecemerlangan – merujuk kepada nilai teras yang perlu kita pegang untuk menjadi pelajar yang mempunyai minda kelas pertama, sesuai dengan aspirasi kerajaan.

Wawasan jiwa kita – Jiwa melambangkan kita bukan setakat faham akan ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan secara ilmiah saja tetapi kita juga menghayati dan menjiwainya.

Berdikari rohaniah berteknologi – bermaksud ciri-ciri yang kita idamkan pada diri kita dan juga graduan kita, kita

berdikari zahir dan batin dan menggunakan teknologi untuk kepentingan masyarakat, kita di *forefront* dunia teknologi.

Pemimpin berbestari – kita pemimpin dan kita juga mengeluarkan graduan bestari yang akan menjadi pemimpin kejuruuteraan dan teknologi. Bestari yang bermaksud bijak, pintar, matang, tidak membuat keputusan secara melulu, sangat rasional.

Untuk bangsa, insan umat dunia – bangsa ialah bangsa Malaysia. Insan ialah manusia, manakala umat pula menjurus kepada islam. Dunia – merujuk kepada antarabangsa, global.

Negara yang tercinta – Merujuk kepada Malaysia dan semua masyarakat berbilang kaumnya, kita mendukung aspirasi kerajaan untuk membangunkan modal insan.

UniMAP juga telah mengariskan misi iaitu untuk melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara. Manakala visi univerti pula adalah untuk menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Sebagai pelajar-pelajar baru di UniMAP, saya berharap saudara/i dapat memahami dan menghayati misi dan visi ini sebagai panduan utama untuk kita semua bergerak seiring untuk mencipta kejayaan dan kecemerlangan universiti.

UniMAP berazam untuk melahirkan lebih banyak siswazah yang berkualiti dan mampu menjadi aset berharga negara sekali gus bakal mewarnai kanvas kehidupan bangsa dan

penggerak tamadun yang bakal dijulung. Oleh itu adalah menjadi tugas para pelajar yang berada dihadapan saya hari ini untuk memikul tanggungjawab ini dalam merealisasikan keazaman UniMAP.

Anak-anak yang dikasihi sekalian;

Matlamat utama seseorang mahasiswa yang baru mendaftar ialah berjaya menamatkan pengajian dan akan menerima segulung ijazah. Matlamat bangsa dan negara pula adalah melahirkan warga berjiwa terbuka dan minda kelas pertama. Oleh itu bagi merealisasikan matlamat tersebut, pihak kerajaan berusaha untuk meringankan beban dengan dengan memberi yuran pengajian subsidi kepada semua pelajar.

Terfikirakah para pelajar semua kenapa subsidi ini diberikan? Semuanya kerana kerajaan berhasrat untuk memudahkan pelajar dengan harapan anda semua dapat memberi fokus yang lebih untuk menuntut ilmu dan tidak menjadikan yuran pengajian sebagai alasan remeh untuk tidak menjadi pelajar yang cemerlang.

Oleh itu menjadi harapan saya agar segala usaha, daya dan kudrat para pelajar harus dipaksikan atau difokuskan kepada pembelajaran. Hal ini kerana UniMAP ingin menghasilkan para pelajar yang mempunyai nilai diri yang positif iaitu:

1. Bersikap cinta ilmu pengetahuan
2. Berfikir dan bijak membuat keputusan berasaskan fakta

3. Kemampuan untuk berbincang dan berdebat
4. Kemampuan berkomunikasi dengan baik
5. Rajin membaca dan menerokai sumber-sumber baru ilmu sebagai asas untuk menerokai ilmu pengetahuan, bukan sahaja buku tetapi juga dunia siber
6. Melihat sesuatu isu dengan perasaan terbuka, tidak mudah dipengaruhi orang lain atau melihatnya secara emosional
7. Tidak mudah kalah dengan hujah, tetapi bukan bermakna menegakkan benang yang basah
8. Berani menerokai bidang-bidang baru
9. Sentiasa bersyukur dengan kemudahan yang diberi termasuklah tajaan kewangan
10. Sanggup terus belajar, bersemangat waja dalam menzahirkan kecintaan kepada ilmu
11. Mengekalkan jatidiri sebagai bangsa malaysia yang sejati, bermaruah, berbudi pekerti dan beradab sopan yang selaras dengan kemurniaan warisan bangsa yang ada
12. Bersemangat tinggi, berdaya saing dan sayangkan bangsa dan negaranya dengan meletakkan kepentingan negara dan institusi mengatasi lain-lainnya
13. Sentiasa subur dengan semangat untuk berbakti kepada masyarakat, menjadi jambatan kukuh yang mampu menyebarkan ilmu kepada anggota masyarakat, di desa mahupun di kota dengan tentunya terlebih dahulu berusaha menjadi 'role model' melalui pembentukan

sahsiah diri dan budi pekerti yang tinggi serta semangat cintakan ilmu yang mendalam.

Di kampus perlu cekap merancang. Hal ini kerana untuk ke perpustakaan para pelajar harus ke Kangar iaitu ke bangunan KWSP yang menempatkan jabatan canselori, jabatan pendaftar, makmal serta perpustakaan. Di Kampus Tetap di Ulu Pauh, menempatkan Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik. Di Kubang Gajah, Arau pula terdapat Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Di Jejawi pula ditempatkan bangunan pusat-pusat pengajian dan manakala di Kuala Perlis sendiri terdapatnya pusat kejuruteraan UniMAP, makmal serta kolej-kolej kediaman.

Walaupun begitu, UniMAP tetap menyediakan kemudahan dan prasarana yang sebaik mungkin bagi memastikan setiap pelajar baru menikmati keselesaan sepanjang berada di kampus ini.

Umpamanya, perkhidmatan bas yang berjadual sentiasa diperbaiki dan ditambah jumlahnya bagi memastikan pergerakan pelajar-pelajar ke setiap cawangan di kampus yang teragih ini tidak terjejas. Selain itu, kolej kediaman pelajar sentiasa dipertingkatkan perkhidmatan dan kemudahannya dari masa ke semasa bagi memastikan keselesaan dan kualiti penginapan pelajar terjamin. Begitu

juga dengan setiap kemudahan pembelajaran pelajar-pelajar akan sentiasa dipastikan berkualiti dan mencukupi.

Anak-anak yang dikasihi sekalian;

Perlu diingatkan bahawa proses pendidikan adalah proses berterusan dan perlu dilakukan secara komprehensif. Pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat akan menjadi kunci kejayaan sepanjang proses tersebut. Dalam menyahut cabaran untuk melahirkan mahasiswa kelas pertama unsur kemahiran dan nilai itu diadun bersama agar sumber manusia yang bakal mewarnai negara adalah sumber manusia yang mempunyai nilai dalam erti kata sebenar.

Oleh itu untuk mencapai kejayaan dan digeruni di masa hadapan, usaha padu perlu dilakukan dari sekarang. Harapan saya dan seluruh warga UniMAP kepada saudara/i amatlah tinggi dalam usaha untuk melahirkan insan yang berkeperibadian unggul (towering personality) dengan memiliki kualiti utuh dan menyeluruh. Harapan kami ialah:

- Pertama, akan melahirkan bakal-bakal graduan lepasan ijazah dan diploma yang berkualiti dari segi pencapaian akademik iaitu graduan kelas pertama (CGPA 3.67 ke atas) sebanyak 20% dan graduan kelas dua ke atas (CGPA 3.0 – 3.66) sebanyak 60%.
- Kedua, melahirkan bakal-bakal graduan yang mempunyai soft skill yang tinggi iaitu mempunyai daya kepimpinan yang hebat, penguasaan bahasa Inggeris

dan bahasa lain yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang menarik dan disayangi oleh ramai stakeholder (pelanggan)

- Ketiga, melahirkan bakal-bakal graduan yang mempunyai minda dan sahsiah kelas pertama.
- Keempat, melibatkan 100% pelajar dalam kegiatan sukan, kerja-kerja amal dan masyarakat.
- Kelima meningkatkan prestasi pelajar dalam bidang sukan olahraga, sukan permainan dan kebudayaan agar berupaya memenangi lebih 40% pingat dan sekurang-kurangnya 8% adalah pingat emas dalam pertandingan sukan antara universiti, dan
- Keenam melibatkan 5% pelajar dalam aktiviti pengantarabangsaan melalui pertukaran pelajar dalam bidang sukan, kebudayaan dan menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa seperti bahas, keusahawanan, rekacipta dan lain-lain lagi.

Bagi memenuhi harapan kami ini, saya berharap anda semua tekadkan usaha untuk menjadi yang terbaik di antara yang terbaik. Ingatlah tiada jalan singkat dalam mencapai kejayaan. Ibarat seperti kata pepatah Melayu, yang bulat tidak akan datang bergolek, dan yang pipih tidak akan datang melayang. Akhir kata, selamat maju jaya, dan semoga dapat menempuh alam kehidupan di menara gading dengan jayanya.

Seterusnya saya akan memperkenalkan barisan Ketua Jabatan Universiti Malaysia Perlis.

1. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin
Naib Canselor
2. Prof. Dr. Sazali bin Yaacob
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan
Antarabangsa)
3. Prof. Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. Tn. Hj. Rusli Hj. Abd. Hamid
Pendaftar
5. Pn. Saodah Hassan
Bendahari
6. Puan Mazmin Mat Akhir
Pemangku Ketua Pustakawan
7. Prof. Madya Dr. Johari Adnan
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
8. Prof. Madya Dr. R. Badlishah Ahmad
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer &
Perhubungan
9. Prof. Dr. Ismail bin Daut
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
10. Dr. Khairul Rafezi Ahmad
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
11. Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik

12. Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
13. Prof. Madya Dr. Mohamed Zulkali Mohamed Daud
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
14. Dr. Khairul Nizar Ismail
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
15. Dr. Hazry Desa
Dekan
Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
16. Prof. Dr. Mohd. Yusoff Mashor
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
17. Prof. Madya Abdul Rahman bin Mohd Saad
Dekan
Pusat Kejuruteraan
18. Prof. Madya Abdull Halim Abdul
Dekan
Institut Matematik Kejuruteraan
19. Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin
Dekan Pengurusan Akademik
20. En. Razli Ahmad
Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
21. Prof. Madya Dr. Syed Alwee Al Junid Syed Junid
Dekan Penyelidikan dan Pembangunan
22. Prof. Dr. Uda Hashim
Pengarah
Institut Kejuruteraan Nano Elektronik

23. Prof. Madya Dr. Kong Wah @ Syaharom Abdullah
Dekan
Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
24. Dr. Yufridin Wahab
Pengarah
Pusat Kerjasama Industri
25. Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid
Pengarah
Jabatan Pembangunan
26. En. Nor Azmi Hj. Johari
Pengarah
Jabatan Keselamatan
27. En. Nasrudin bin Abdul Shukor
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
28. En. Afizal Abu Othman
Pengarah
Pusat Sukan
29. Prof. Madya Ye Htut @ Mohammad Iqbal Omar
Pengarah
Pusat Kesihatan
30. En. Abdul Aziz Mahmudin
Pengarah
Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti
31. Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar
Pengarah
Unit Pembangunan Agroteknologi
32. Puan Husna Afifi Mohd. Yusoff
Pengarah
Unit Kebudayaan dan Rekreasi
33. Puan Ina Suryani Ab Rahim
Pengarah
Unit Pembangunan Lestari

34. Prof. Madya Dr. Salmah Ayob
Pengarah
Unit Penerbitan
35. Ustaz Hassan Arshad
Penyelaras
Unit Agama Islam
36. Lt. Kol. (B) Azuddin b. Bahari
Penyelaras
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
37. Dr. Ku Mohd. Nabil b. Ku Hamid @ Ku Ismail
Penyelaras
Unit Pengajaran dan Pembelajaran
38. En. Hirwan Jasbir Jaafar
Penyelaras
Unit Kajian Strategik
39. En. Baharuddin Ismail
Penyelaras
Unit Penyelarasan Program Diploma
40. En. Mohamad Ezral Baharudin
Penyelaras Unit Multimedia/
Pengetua Kolej-kolej Kediaman
41. En. Suffian Hadi Ayub
Pengurus
Unit Enterpris Kecil dan Sederhana
42. En . Zuber Hj. Mohamad
Pengetua Kolej-Kolej Kediaman
43. En. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah
Pengetua Kolej-kolej Kediaman

Alhamdulillah, anda telah mengenali semua Ketua-ketua Jabatan di UniMAP. Justeru, melaut harapan saya agar selepas ini sekiranya anda menghadapi masalah dan memerlukan bantuan, segeralah berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Sebagai mahasiswa/mahasiswi UniMAP, anda ibarat anak-anak kami dan kami memegang janji dan amanah daripada kedua ibu bapa dan waris untuk menjaga anda semua sebaik mungkin.

Akhir kata terimalah serangkap pantun dari saya khusus untuk anak-anak yang saya sayangi sekalian :

Cantiknya kain sulaman mewah,

Kain berasal dari Palembang,

Menuntut Ilmu Fardhu Kifayah,

Malahirkan insan berjaya dan cemerlang.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

Terima kasih.